

BAHAGIAN III  
PEGUAM SYARIE

**Kelayakan sebagai Peguam Syarie**

16. (1) Mana-mana orang yang memenuhi syarat yang berikut adalah layak untuk menjadi seorang Peguam Syarie—

- (a) seorang yang beragama Islam;
- (b) seorang warganegara Malaysia;
- (c) berkelakuan baik dan—
  - (i) tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah syariah atau sivil (di bawah Undang-Undang bertulis); dan
  - (ii) bukan seorang yang bankrap atau tidak pernah didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang dinyatakan di dalam perenggan 33(6) (a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) atau (1) Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360];
- (d) tidak dipecat, hilang kelayakan atau digantung atas kapasitinya sebagai seorang Peguambela dan Peguamcara;
- (e) (i) memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah dari mana-mana Universiti atau mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan di dalam subkaedah (2); atau

- (ii) seorang Peguambela dan Peguamcara dan mempunyai Diploma atau Ijazah dalam bidang Undang-Undang atau Undang-Undang Syariah dari mana-mana Universiti atau Institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; dan
  - (f) telah lulus ujian bertulis atau temuduga atau kedua-duanya sekali sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
- (2) Penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie di bawah subperenggan (1) (e)(i) hendaklah tertakluk kepada syarat berikut:
- (a) jika seseorang itu memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia selain daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dia hendaklah juga memiliki-
    - (i) Diploma Undang-Undang Pentadbiran Kehakiman Islam daripada Universiti Islam Antarabangsa; atau
    - (ii) mana-mana Diploma Lulusan Ijazah yang setaraf dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;
  - (b) jika seseorang itu memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Syariah) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia atau setaraf dengannya,

dengan syarat Jawatankuasa boleh, menurut budi bicaranya, mengecualikan apa-apa syarat yang dinyatakan di atas apabila permohonan dibuat kepadanya dengan disokong oleh keterangan yang memuaskan bahawa ada hal keadaan yang mewajarkan sesuatu syarat itu dikecualikan.